

PERSONALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM DAN KESANNYA TERHADAP AKHLAK PELAJAR: SATU TINJAUAN AWAL DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH MARANG, TERENGGANU

PERSONALITY OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS AND ITS IMPACT TOWARD STUDENT'S CHARACTER: A STUDY AT SECONDARY SCHOOL MARANG, TERENGGANU

Syafiqah Solehah Ahmad¹
Tengku Sarina Aini Tengku Kasim²

¹Calon Sarjana Pengajian Islam (Pendidikan Islam), Akademi Pengajian Islam, Univesiti Malaya.

²Pensyarah Kanan Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya.

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 10 July 2018

To cite this document: Ahmad, S. S., & Kasim, T. S. A. T. (2018). Personaliti Guru Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal Di Sekolah Menengah Daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 59-75.

Abstrak: Dewasa ini timbul pelbagai isu berkaitan akhlak pelajar Islam yang mendatangkan impak negatif kepada profesion perguruan amnya, dan Guru Pendidikan Islam khususnya. Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa masalah keruntuhan akhlak pelajar mempunyai kaitan rapat dengan personaliti Guru Pendidikan Islam. Rentetan itu kertas kerja ini menganalisis personaliti Guru Pendidikan Islam yang menjadi 'role model' serta contoh keperibadian mulia dalam kalangan pelajar. Di samping itu, perbincangan turut melibatkan beberapa permasalahan dan cabaran yang timbul dalam merealisasikan peranan mereka untuk membina personaliti dan akhlak pelajar. Satu kajian secara kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan untuk menyokong sorotan literatur berkaitan personaliti guru.

Kata kunci: Personaliti Guru, Akhlak Pelajar, Guru Pendidikan Islam

Abstract: Nowadays, various issues that related to Islamic student morals that give a negative impact on the teacher's profession generally and Islamic Education Teacher particularly had arise. Several previous studies have shown that issues of students' moral are closely related to the personality of Islamic Education Teachers. Based on the situation, this study analyzes the personality of Islamic Education Teacher who can be the role model and example of noble personality among students. In addition, discussions also involve some of the problems and challenges that arise in the realization of their role in building student personality and morals. A quantitative and qualitative study was conducted to support the literature's focus on teacher personality.

Keywords: Teacher Personality, Student Morality, Islamic Education Teacher

Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah menetapkan hala tuju dan matlamat Pendidikan Islam ialah untuk membentuk akhlak individu Muslim yang mencakupi aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi. Proses pendidikan secara berterusan ini turut digambarkan secara jelas melalui Falsafah Pendidikan Islam (FPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (1990), *Falsafah Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri masyarakat, alam sekitar dan Negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat*”.

Sehubungan dengan itu, sudah menjadi tanggungjawab setiap pihak khususnya mereka yang terlibat dengan dunia pendidikan untuk memastikan terbentuknya individu muslim yang mempunyai akhlak dan sahsiah seperti yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Islam bagi melahirkan wajah manusia yang indah, berakhlak dan bersahsiah tinggi. Tajul Ariffin dan Noraini (1992) menyatakan bahawa manusia perlu dibentuk menjadi insan yang baik dan mulia, rakyat yang beramanah dan bertanggungjawab serta warga negara yang setia serta bersemangat tinggi. Insan ini akan membentuk keluarga yang baik dan seterusnya masyarakat serta bangsa yang baik. Idealisme inilah yang harus diperjuangkan oleh para guru dan pelajar sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Wawasan 2020.

Sorotan Literatur

Isu dan Permasalahan Dalam Dunia Pendidikan

Menerusi penulisan Mohd Anuar Mamat (2016), pelbagai isu pendidikan turut dikaitkan dengan persoalan etika dan sahsiah guru pada pelbagai peringkat. Saban tahun kedengaran beberapa kes etika yang melibatkan guru. Antaranya salah laku moral dan gangguan seksual (Berita Harian, 2012), guru penyebab pelajar ponteng sekolah (Berita Harian, 20 September 2013: Zahari, Low Suet Fin, 2014), guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India (Utusan, 3 Januari 2013), guru ditangkap khalwat dalam semak (Sinar Harian 8 Mac 2013), MARA siasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru (Malaysiakini, 21 Mei 2015), guru dipenjarakan dua tahun kerana memiliki filem lucah dan menyebarkan gambar lucah serta palsu terhadap pimpinan negara (harian Metro, 20 Julai 2016), guru agama dipenjarakan dua bulan akibat melakukan kelucuhan melampau terhadap pelajar (30 Julai 2016), Skim cepat kaya: 5 guru ditahan (Utusan, 6 Ogos 2016) dan sebagainya. Selain itu, masalah etika guru dan suasana kerja guru juga menyumbang kepada beberapa masalah guru yang lain terutamanya guru mendakwa bebanan kerja mereka membawa tekanan perasaan dan mereka hampir tiada masa untuk bersama keluarga (Star 2010: 21 September 2010).

Dalam masa yang sama, Zulfan Nasution (2001) menegaskan, terdapat banyak pihak yang membicarakan tentang kerosakan sahsiah dan akhlak pelajar. Beberapa permasalahan dalam kalangan pelajar yang begitu membimbangkan serta meresahkan ibu bapa dan para guru di sekolah khususnya ialah perubahan terhadap sikap serta tingkah laku mereka yang semakin merosot. Selain itu, turut dikemukakan statistik yang dipetik daripada akhbar Harian Metro (11 Mac 2015) yang melaporkan masalah moral dan akhlak dalam kalangan remaja. Walaupun statistik ini menunjukkan kadar masalah moral dan personaliti dalam kalangan remaja, namun ia turut mewakili majoriti pelajar-pelajar sekolah menengah kerana purata usia mereka juga terdiri daripada golongan remaja.

Para pelajar sekolah yang beragama Islam juga tidak ketinggalan mengalami masalah penyimpangan sosial. Menurut Hasnan Kasan (2002) terdapat beraneka jenis penyimpangan sosial telah dan sedang berlaku dalam kalangan ahli masyarakat Islam umumnya dan para pelajar khususnya. Antaranya ialah penyalahgunaan dadah, arak, seks bebas, budaya lepak, vandalisme, jenayah pecah rumah, mencuri motosikal, merogol, menyamun dan lebih teruk lagi membunuh. Asmawati Suhid (2005) memaklumkan fenomena gejala keruntuhan akhlak dan sahsiah dalam kalangan remaja dan para pelajar, secara tidak langsung dikaitkan dengan kualiti Guru Pendidikan Islam. Di dalam penulisan Abdullah Sani Yahya (2005) ada dinyatakan pengaruh Guru Pendidikan Islam merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perlakuan kurang sopan dalam kalangan murid-murid.

Hal ini berlaku berikutan dunia hari ini yang telah dilakari oleh pelbagai trend dan paradigma kehidupan bentuk baru. Globalisasi telah memberi impak yang bukan sedikit dalam kehidupan berakhlak dan bersahsiah dalam sesebuah masyarakat. Pengaruh dan kesan yang dibawa oleh pelbagai pihak menerusi medium teknologi komunikasi maklumat turut memberi kesan yang besar terhadap sosial masyarakat terutama dalam kalangan remaja yang terdiri dari kalangan pelajar. Umumnya, pelajar amat berkait rapat dengan dunia persekolahan yang dikelilingi oleh pelbagai suasana yang boleh mempengaruhi perkembangan mereka dan dalam masa yang sama para guru yang mempunyai peranan untuk membentuk para pelajar menjadi modal insan yang berguna. Di samping itu, Guru Pendidikan Islam sering dikaitkan sebagai *role model* kepada para pelajar

Guru Pendidikan Islam bertindak melaksanakan Falsafah Pendidikan Islam dan menterjemahkan hasilnya ke dalam bidang pembinaan dan pembentukan kehidupan bermasyarakat. Hal ini kerana Pendidikan Islam mempunyai prinsip yang lebih unggul kerana ia menghubungkan setiap sesuatu prinsip-prinsip itu berkait rapat dengan ketuhanan, alam dan diri insan secara serentak tanpa terpisah antara satu sama lain. Di samping itu, personaliti Guru Pendidikan Islam sepatutnya sejajar dengan tuntutan agama kerana mereka adalah orang yang bertanggungjawab untuk mengajar Pendidikan Islam.

Penulis menyimpulkan bahawa kesemua isu ini secara langsung atau tidak langsung adalah berkait rapat dengan personaliti dan jati diri seorang guru. Isu-Isu yang diutarakan di atas dan permasalahan tersebut dapat diatasi sekiranya jika guru amnya dan Guru Pendidikan Islam khasnya menonjolkan personaliti seorang guru yang sewajarnya dan memberikan komitmen dalam melaksanakannya serta menjadikan Rasulullah S.A.W sebagai qudwah dan ikutan yang baik dalam kehidupan mereka di sekolah dan di luar sekolah.

Di samping itu, timbul persoalan mengenai sejauh mana para guru mampu memainkan peranannya khususnya Guru Pendidikan Islam dalam membina akhlak pelajar yang selari dengan tuntutan Islam. Justeru itu, penulis telah membuat penelitian secara mendalam mengenai isu guru dan akhlak pelajar di sekolah melalui beberapa kajian lepas yang menjurus kepada kajian yang telah dijalankan.

Berdasarkan kepada kajian Robert B. Rusk (2016), didapati sokongan dan tingkah laku yang positif dapat membantu mengurangkan gangguan bilik darjah seperti pelajar membuat bising, mempunyai tingkah laku yang tidak baik dan lain- lain. Selain itu, ia dapat membantu guru untuk menyediakan persekitaran yang menyokong para pelajar yang memerlukan perhatian. Kajian lepas mendapati pengurusan bilik darjah merupakan salah satu masalah yang terbesar yang dihadapi oleh guru pada masa kini. Dapatan kajian turut mendapati guru mendapati jarang menggunakan amalan tradisional seperti menghukum pelajar, menganiaya dan mengancam

pelajar. Bahkan guru lebih memilih untuk menunjukkan tingkah laku yang lebih baik kepada pelajar dengan menggantikannya kepada pujian(komunikasi) atau perhatian (emosi). Walau bagaimanapun guru mudah tertarik dengan perbuatan ‘jahat’ oleh pelajar sedangkan mereka seharusnya mempunyai kemahiran mengurus bilik darjah untuk mengatasi masalah itu.

Selain itu, sebuah kajian telah dibuat oleh John Power (2012) berkaitan kesan campur tangan yang sihat oleh sekolah dan sokongan kepada pelajar. Pengkaji menjelaskan bahawa guru memainkan peranan yang besar kepada pelajar. Hal ini kerana pelajar berada bersama guru di sekolah lebih lama berbanding ibu bapa, rakan dan komuniti. Oleh itu, sangat penting untuk disediakan ruang belajar yang teratur dan guru yang berkelayakan. Kajian lampau telah menunjukkan bahawa 90% kejayaan pelajar adalah disebabkan daripada latar belakang pelajar dan hanya 10% disebabkan kejayaan sekolah. Namun kajian ini menunjukkan bahawa sekolah dan guru mempunyai pengaruh yang lebih besar dan keberkesanan guru tidak patut diperendah-rendahkan.

Abdul Halim Tamuri, et al dalam kajian mereka, merumuskan bahawa Kajian-kajian lepas menunjukkan ramai pendidik termasuk guru Pendidikan Islam tidak mampu untuk menjadikan dirinya sebagai *role model* malahan ada juga yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Di samping itu, berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dijalankan, Guru Pendidikan Islam tidak mampu untuk membentuk diri mereka selaku pembimbing dan *role model* kepada pelajar.(dalam Asnuurien Najma dan Azlin Nurhaini : 2013)

Selain itu, hasil kajian mengenai hubungan personaliti guru dengan personaliti murid darjah enam di sekolah rendah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti guru dengan perkembangan personaliti murid-murid darjah enam di sekolah-sekolah rendah iaitu pada aspek kepuasan dalam pengajaran mempunyai pertalian yang bermakna dengan personaliti murid seperti kepercayaan diri, harga diri dan keberkesanan diri. Adanya perhubungan yang signifikan antara personaliti guru dengan pembentukan sikap pelajar antaranya dapatan menunjukkan 55% pelajar tidak menyukai sikap guru Pendidikan Islam yang tidak memberi peluang kepada mereka untuk berfikir. (Asnuurien Najma dan Azlin Nurhaini : 2013) Ini menunjukkan personaliti guru Pendidikan Islam ketika mengajar memberi kesan kepada emosi serta penerimaan pelajar terhadap personaliti guru ketika berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang telah dijalankan ini hanya melibatkan kajian di peringkat sekolah rendah.

Kajian seterusnya oleh Dzulkifli Hasanuddin (2004) menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran amat memberi kesan kepada sikap dan watak pelajar di mana persekitaran seperti sekolah, rumah dan rakan sebaya amat memberi pengaruh kepada pembentukan sikap dan sahsiah pelajar.

Terdapat ramai pengkaji yang mengkaji mengenai isu-isu yang timbul di kalangan Guru Pendidikan Islam dan terdapat juga beberapa pengkaji telah mengkaji corak hubungan di antara guru dan pelajar namun masih ada beberapa perkara atau konteks yang masih belum disentuh dan dilihat menjadi kelompongan dalam kajian yang berkaitan. Antaranya ialah kajian yang mendalam mengenai personaliti Guru Pendidikan Islam dan hubungannya dengan akhlak pelajar dalam beberapa aspek iaitu penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi

Penampilan, Komunikasi, Tingkah Laku dan Emosi sebagai aspek utama dalam mengkaji personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar

Hasil daripada perbincangan sebelum ini, telah timbul persoalan tentang sejauh mana para pelajar melihat personaliti Guru Pendidikan Islam serta adakah ia mempunyai hubungan dengan pengamalan akhlak pelajar. Justeru itu, penyelidik telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan Pembentukan Akhlak Pelajar pada masa kini dalam aspek penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi

Hal ini kerana, keempat-empat aspek ini merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan oleh seorang Guru Pendidikan Islam yang mempunyai personaliti yang unggul. Di samping itu, aspek- aspek ini juga dilihat dari sudut akhlak pelajar berdasarkan hubungannya dengan personaliti Guru Pendidikan Islam. Keempat-empat aspek ini dipilih berdasarkan kepada definisi personaliti menurut Islam dan Barat.

Jadual 1: Definisi personaliti menurut Islam dan Barat serta fokus kajian

Definisi Personaliti Menurut Tokoh Barat	Definisi Personaliti Menurut Tokoh Islam
Crow & Crow (1983) > Perwatakan fizikal, corak pertuturan, daya penarik(penampilan)	Uthman Najjāti (1985) > Susunan dinamik dalam diri individu yang menentukan watak tersendiri sewaktu menyesuaikan diri dengan persekitaran yang mana ia dipupuk dengan keimanan.
Gage & Berliner (1984) >Segala aspek tingkah laku manusia : Motif, sikap, pendapat, kepercayaan, pemikiran kognitif, emosi dan ciri- ciri seseorang	Prof Omar At-Toumī Asyaibānī (1979) >kersediaan seseorang untuk berkelakuan >sifat dan ciri-ciri tersendiri >merangkumi fizikal,akhlak dan akal >pemikiran, keyakinan, nilai dan kebiasaan
Fokus kajian : Penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi	

Penampilan

Menurut Robiah K.Hamzah (2001), penampilan bermula dari pelbagai keadaan yang mana jika digabungkan akan menjadikan diri kelihatan seolah-olah amat sempurna. Seseorang yang berpenampilan menampakkan kesesuaian diri sama ada dalam berpakaian, perhiasan, sikap atau gaya duduk dan berdiri, cara berjalan dan diadun dengan tatacara yang sopan.

Penampilan diri yang unggul dapat memenuhi keinginan manusia untuk dicintai, disayangi dan dikagumi oleh ahli keluarga juga masyarakat dimana dia berada, juga disekolah, rakan sekerja, dan juga pelajar-pelajar. Penampilan diri yang unggul dapat menambahkan lagi keseronokan dan daya tarik kepada orang-orang yang berasamanya serta dapat membina keyakinan diri yang dihadapi. Justeru itu para guru sewajarnya sentiasa menampilkan diri mereka dengan penampilan diri yang sesuai dengan watak, sahsiah dan personaliti guru yang unggul.

Berdasarkan penulisan Abdullah Hassan, Ainon Mohd (1999), kajian pakar-pakar psikologi menunjukkan, penampilan, rupa paras, gerak-geri dan air muka, sangat besar perannya bagi meningkatkan daya pengaruh seseorang. Untuk meninggikan daya pengaruh guru ke atas pelajar-pelajarnya, pastikan pelajar-pelajar menyukai penampilan guru kerana penampilan guru mencerminkan sikapnya terhadap dirinya sendiri, terhadap pelajar-pelajarnya, terhadap masa dan terhadap tugas yang dijalankan

Kajian-kajian lain juga mendapati orang-orang yang memiliki penampilan menarik juga memiliki rasa keyakinan diri yang lebih tinggi berbanding mereka yang penampilannya tidak menarik. Mereka juga memiliki sikap yang lebih optimistik, lebih pandai bercakap dan mereka

berkomunikasi dengan lebih lancar. Ciri-ciri itu membantu orang-orang yang berpenampilan menarik mempengaruhi orang lain dengan lebih berkesan. Kajian menunjukkan, penampilan yang baik boleh mempengaruhi orang lain untuk mendengar apa yang akan diperkatakannya. Hasil kajian juga mendapati individu yang berpenampilan menarik lebih disukai orang.

Justeru itu penampilan guru merupakan faktor yang sangat dominan kerana bagi pelajar, guru sering dijadikan tokoh teladan, bahkan menjadi tokoh identifikasi diri. Oleh sebab itu guru sepatutnya menunjukkan penampilan yang menarik untuk menarik minat pelajar. Ini juga menunjukkan bahawa guru bukan hanya bertanggungjawab terhadap pengajaran semata-mata namun bertanggungjawab untuk menarik minat pelajar untuk bersama-sama menjalankan aktiviti di dalam dan luar kelas dengan mempamerkan penampilan yang baik.

Komunikasi

Sulaiman Md Yassin, Mohd Salleh dan Azlina (2002) menjelaskan bahawa komunikasi berasal dari perkataan Latin 'communiatus' yang bermaksud berkongsi sesuatu. Oleh itu, apabila berlakunya komunikasi bermakna seseorang itu sedang berusaha berkongsi idea atau maklumat dengan individu atau orang yang berkomunikasi dengannya. Apabila seseorang individu berkomunikasi, beliau bukanlah bertindak terhadap maklumat yang sampai kepadanya, sebaliknya ia sedang berusaha mencari maklumat yang boleh digunakan bagi mengatasi permasalahan yang sedang dihadapi. Jadi, komunikasi adalah satu perbuatan yang digerakkan oleh individu untuk mencari dan menyebarkan sesuatu maklumat.

Berdasarkan kepada Hashim Fauzi Yaakob (2001), komunikasi juga ialah terjemahan daripada istilah Inggeris iaitu *communication*. Istilah ini berasal daripada perkataan Latin *communicare* yang bermaksud *to make common* atau mewujudkan persamaan. Menurut *Internasional Encyclopedia of Social Science* komunikasi adalah penyampaian maklumat melalui satu peraturan yang mempunyai pelbagai atau sedikit makna melalui simbol-simbol yang dialirkan daripada satu individu kepada individu yang lain. Mohd Yusof Hussain mendefinisikan komunikasi dari perspektif Islam ialah proses menyampaikan atau bertukar perutusan dan maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah komunikasi yang terdapat dalam al-Qur'ān dan al-Hadis.

Berdasarkan definisi di atas pengkaji merumuskan erti komunikasi adalah suatu proses dimana seseorang atau beberapa orang, kelompok, organisasi dan masyarakat menciptakan, dan menggunakan informasi agar dapat berhubung dengan orang lain. Komunikasi adalah proses yang mana manusia berkongsi maklumat idea dan pengetahuan, perasaan. Secara umumnya komunikasi berlaku secara lisan atau verbal yang dapat difahami oleh kedua belah pihak. Manakala dalam konteks guru dengan pelajar sudah tentu ianya untuk menghasilkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Cara komunikasi yang betul adalah menggambarkan personaliti seseorang guru.

Menurut Yvonne Bender (2007), guru yang berjaya adalah penyampai yang baik. Mereka mengubah cara berkomunikasi untuk disesuaikan dengan keadaan di samping menggunakan pelbagai gaya dan kaedah untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan guru tersebut memahami bahawa cara berkomunikasi dengan pelajar perlu menggunakan pendekatan yang berbeza berbanding dengan komunikasi sesama guru, rakan sekerja dan komunikasi dengan pihak pentadbir. Justeru itu guru hendaklah mengemukakan pelbagai satrategi untuk membantu mewujudkan dan menyelenggarakan komunikasi yang positif dan jelas dengan para pelajar mereka. Hal ini dapat membantu guru menyesuaikan komunikasi

untuk situasi yang khusus dengan cara yang paling brkesan dalam konteks mengadakan komunikasi dengan pelajar.

Dalam konteks sekolah, berkomunikasi ialah proses bagaimana guru berkongsi pengalaman dengan pelajar-pelajarnya, dan begitu juga sebaliknya. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999), setiap guru mempunyai pengalaman dan pengetahuan. Apabila guru menyampaikan pengalaman dan pengetahuannya kepada pelajar-pelajarnya, itu namanya berkomunikasi dalam proses guru dan pelajar. Pelajar-pelajar bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan serta mereka mencipta makna antara satu sama lain. Dengan cara itu mereka mendapat pengalaman dan pengetahuan yang meluas.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd turut menyatakan bahawa perkataan yang digunakan untuk berkomunikasi dengan pelajar perlu diberi perhatian. Guru perlu menggunakan perkataan yang sesuai dan elakkan daripada menggunakan bahasa-bahasa kesat, sebaliknya kata-kata yang kesat kerana ia hanya akan melemahkan semangat murid untuk mencuba dan memperbaiki sikap.

Tingkah Laku

Tingkah laku merangkumi aksi, prestasi, tindak balas, tindakan dan reaksi. Pada dasarnya tingkah laku adalah apa sahaja yang diperkatakan atau yang dilakukan oleh individu. Disamping itu, tingkah laku menekankan bahawa seseorang individu bertingkah laku mengikut persepsi diri sendiri dan keadaan. Sekiranya individu itu mempunyai konsep sendiri yang positif maka dia berupaya berinteraksi dan bertindak dengan lebih yakin. Selain itu, tingkah laku juga adalah sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sedar ataupun separa sedar. Tingkah laku adalah tindakan fizikal terhadap sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu.

Dari perspektif Islam, menurut Al- Ghazali, tingkah laku manusia mempunyai tujuannya iaitu tingkah laku berdasarkan tuntutan keagamaan dan kemanusiaan. Tingkah laku manusia mempunyai ciri-ciri:

- i. Setiap tingkah laku manusia adalah berasaskan dorongan serta tujuan.
- ii. Dorongan atau motivasi itu berasal dari dalam diri manusia itu sendiri.
- iii. Motivasi ini boleh dirangsang oleh rangsangan-rangsangan luaran atau dalaman yang berkaitan dengan keperluan-keperluan fisiologi atau emosi seperti perasaan lapar atau cinta dan takut kepada Allah.
- iv. Motivasi akan mendorong seseorang individu melakukan sesuatu.
- v. Tingkah laku yang timbul adalah berkaitan dengan perasaan dan kesedaran terhadap satu-satu situasi itu.
- vi. Interaksi sentiasa berlaku secara terus menerus antara motivasi dan tingkah laku.

Pengkaji merumuskan bahawa tingkah laku adalah sebagai satu aksi reaksi organisma terhadap persekitaran. Tingkah laku terjadi apabila ada sesuatu yang diperlukan untuk menimbulkan reaksi atau rangsangan dengan rangsangan akan melahirkan reaksi. Oleh itu, tingkah laku manusia adalah suatu aktiviti yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Tingkah laku berasaskan dorongan atau motivasi yang berasal dari dalam jiwa manusia sendiri yang timbul berkait dengan perasaan dan kesedaran terhadap suasana dan situasi tertentu.

Dalam konteks dunia pendidikan, tingkah laku guru mencerminkan personaliti seorang guru. Tingkah laku yang sentiasa positif akan disukai oleh murid-murid dan boleh membuatkan murid-murid menghormati guru. Menurut Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel (2014),

guru yang bersikap kasar dan tidak sopan akan dibenci oleh murid-murid dan berkemungkinan kelakuan yang tidak sopan itu akan mempengaruhi murid-murid untuk melakukannya.

Seorang guru yang berhemah tetapi tegas sentiasa memberi penegasan yang sesuai kepada tingkah laku yang diterima di dalam kelas disamping menunjukkan contoh dan teladan yang baik melalui kelakuan, akhlak, personaliti dan bahasa percakapan yang sopan kepada pelajar. Selain itu, guru tersebut juga menunjukkan sikap empati kepada pelajar-pelajar. Segala masalah yang dihadapi harus ditangani dengan adil, memberi peluang kepada murid untuk membincangkan masalah, tidak melakukan tuduhan tanpa bukti dan menyiasat menyelidiki sebelum membuat tindakan. Hal ini kerana, tindakan yang melulu akan mengundang hilang kepercayaan pelajar terhadap guru.

Emosi

Menurut Norhayati Fatmi, Bani Hidayah (2012), perkataan emosi berasal dari perkataan Greek iaitu '*emovere*' bermaksud 'untuk keluar'. Emosi dizahirkan oleh manusia sebagai satu bentuk tindakan yang memenuhi keinginan dan kepuasan diri, suatu keadaan dimana perasaan yang ditunjukkan kepada proses fisiologi dan psikologi seseorang individu. Selain itu, Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman (2009) menjelaskan, perkataan emosi juga berasal daripada perkataan Latin iaitu *emover* yang bermaksud bergerak, kegembiraan dan kegusaran. Pada hari ini perkataan emosi digunakan bagi menggambarkan pengalaman subjektif seseorang seperti cinta, marah, suka dan sebagainya. Manakala Kamus Dewan pula mentakrifkan emosi sebagai perasaan pada jiwa yang kuat seperti sedih dan marah. Berdasarkan kepada penulisan Johar, Siti Sawarati, Mad Shah Ishak (2011) pengertian emosi itu turut selari dengan pengertian di dalam *Oxford Advanced Learners' Dictionary* iaitu emosi adalah suatu perasaan yang agak kuat dan mengandungi aneka jenis perasaan seperti benci, takut, cemburu, kasih sayang, riang dan sedih, malahan terdapat juga gangguan pada perasaan seseorang individu manusia itu.

Penulis juga menyatakan bahawa menurut perspektif Islam, emosi adalah hasil daripada proses integratif yang abstrak daripada gabungan *Qalb* (hati), *Nafs* (jiwa), *Hawā'* dan bangkitan atau motivasi yang berlaku secara serentak bagi mencapai keeselesaian. Walau bagaimanapun manusia tidak pernah dapat menyelaras proses-proses *Qalb*, *Nafs*, *Hawā'* dan Bangkitan secara sempurna.

Kesimpulannya, emosi adalah satu proses yang berlaku dalam diri manusia yang tidak kelihatan untuk menzahirkan perasaan-perasaan yang pelbagai setelah menghadapi setiap situasi yang berbeza. Di sekolah, guru berdepan dengan pelbagai isu sama ada dengan pentadbiran, rakan sekerja, para pelajar dan lain-lain. Guru yang tidak dapat mengawal emosinya boleh menjejaskan prestasi kerja mereka dan hubungan dengan mereka yang berada di sekeliling. Oleh itu, pengkaji memilih konstruk emosi agar dapat melihat sejauh manakah pengawalan emosi yang dapat dilakukan oleh Guru Pendidikan Islam dan adakah ia mempengaruhi para pelajar.

Objektif kajian

Berikut merupakan objektif kajian:

1. Mengenalpasti ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang.
2. Mengenal pasti pengamalan akhlak di kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang

3. Mengkaji hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar.

Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini menggabungkan tiga teori yang dipilih oleh pengkaji. Teori pertama adalah teori pendidikan oleh Imām Ghazālī yang merujuk ‘pendidikan ialah proses memanusiaikan manusia sejak masa kejadiannya sampai akhir hayatnya melalui berbagai ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran secara bertahap, dimana proses pengajaran itu menjadi tanggung jawab orang tua dan masyarakat menuju pendekatan diri kepada Allah sehingga menjadi manusia sempurna’. (Asep Hermawan: 2014). Seterusnya pengkaji memilih teori akhlak yang diangkat oleh Muhammad bin ‘Ilan al-Sadiqi yang merujuk ‘akhlak adalah suatu pembawaan yang tertanam dalam diri, yang dapat mendorong (seseorang) berbuat baik tanpa dorongan orang lain. (Mahyudin: 2003). Teori terakhir pula menyentuh kepada teori personaliti Gage dan Berliner yang merujuk ‘personaliti adalah segala aspek tingkah laku manusia kerana ia merupakan motif, sikap, pendapat, kepercayaan, pemikiran kognitif, emosi dan ciri-ciri seseorang. (Izzah Nor Aida dan Salasiah Hanim :2015).

Ketiga- tiga teori yang dipilih itu berdasarkan kepada tiga perkara utama iaitu pendidikan, personaliti dan akhlak yang menjadi tunjang utama dalam kajian ini. Pengkaji melihat perbincangan mengenai personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar tidak boleh dipisahkan dengan pendidikan kerana pendidikan merupakan akar kepada kedua- duanya. Setelah meneliti dan menganalisis ketiga- tiga teori tersebut, pengkaji membentuk satu teori yang menjadi landasan keseluruhan kajian ini iaitu ‘akhlak lahir daripada proses pendidikan yang berterusan secara lansung dan tidak langsung oleh persekitaran yang akhirnya membawa kepada penonjolan personaliti seseorang dalam segala aspek secara spontan berlandaskan kepada ajaran agama.

Disamping menggunakan teori yang dibina sebagai landasan kajian, pengkaji turut menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai landasan yang dibawa bersama- sama dengan teori pengkaji sepanjang kajian ini. Hal ini kerana pengkaji meletakkan bahawa pendidikan adalah satu usaha yang sentiasa berterusan dan untuk menambah baik personaliti dan akhlak pelajar, seharusnya diseimbangkan pendidikan itu dalam segenap aspek kehidupan sama ada jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu, akan lahir insan yang dikehendaki oleh masyarakat, Negara dan agama sejajar dengan tuntutan Al- Quran dan Sunnah.

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah menggunakan penyelidikan kuantitatif bagi menjalankan kajian ini. Idris Awang (2009) menerangkan, penyelidikan kuantitatif adalah data yang diperolehi dalam bentuk angka seperti jumlah, bilangan, peratus atau nilai- nilai tertentu. Pengumpulan data kuantitatif ini akan melibatkan proses perhitungan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden agar hasil yang didapati terkumpul daripada pandangan ramai pelajar. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif dengan membina soalan temubual semi struktur bagi temubual bersama Guru Pendidikan Islam untuk mendapatkan penjelasan dengan lebih mendalam mengenai personaliti Guru Pendidikan Islam. Pengkaji juga memilih penyelidikan kualitatif sebagai kaedah kedua setelah penyelidikan kuantitatif dijalankan. Ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Guru Pendidikan Islam berdasarkan kepada persoalan yang timbul hasil daripada data yang dikumpul daripada pelajar.

Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan para pelajar Tingkatan Empat di Sekolah- Sekolah Menengah di Daerah Marang. Pada tahun 2017, populasi para pelajar Tingkatan Empat adalah seramai 890 orang pelajar lelaki dan 940 orang pelajar perempuan dan menjadikan jumlahnya seramai 1830 orang.

Sampel Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih persampelan rawak berkelompok. Ini adalah kerana pengkaji ingin mendapatkan hasil daripada pelajar yang terdiri daripada pelbagai tahap kepintaran, sosioekonomi, aliran dan jantina bagi memastikan kajian melibatkan keseimbangan. Pengkaji telah memilih pelajar yang berada di kelas hadapan daripada 3 buah sekolah, pelajar yang berada di kelas pertengahan daripada dua buah sekolah dan pelajar yang berada di kelas belakang sebanyak dua buah sekolah menjadikan keseluruhan sekolah yang terlibat dalam kajian ini sebanyak tujuh buah.

Seramai 350 orang pelajar Tingkatan 4 yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang, Kuala Terengganu telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan seramai 350 orang pelajar ini adalah bersandarkan kepada jadual penentuan saiz sampel oleh *Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan* (1970).

Pengkaji telah memilih untuk menjadikan pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Marang yang telah mengikut pelajaran Pendidikan Islam sebagai sampel. Mereka dipilih kerana pelajar Tingkatan 4 merupakan pelajar yang telah lama menjalani pelajaran Pendidikan Islam bersama dengan Guru Pendidikan Islam dan ia merupakan faktor- faktor pemilihan yang kuat. Mereka telah lama bersama dengan Guru Pendidikan Islam dan mengenali personaliti mereka memandangkan mereka sudah empat tahun mengikuti kurikulum Pendidikan Islam.

Selain itu, seramai lima orang Guru Pendidikan Islam telah dipilih untuk menjalankan sesi temubual. Guru Pendidikan Islam yang dipilih mewakili tujuh buah sekolah yang dikaji. Terdapat kriteria- kriteria khusus yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi memilih Guru Pendidikan Islam yang ingin ditemubual. Berikut ialah dua kriteria khusus yang telah ditetapkan:

1. Merupakan Guru Pendidikan Islam yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun
2. Guru Pendidikan Islam yang terdiri daripada pelbagai jawatan di sekolah

Soalan semi struktur telah dibina bagi menjalankan sesi temubual bersama Guru Pendidikan Islam. Berikut ialah soalan semi struktur yang telah disediakan :

1. Apakah ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam (GPI) yang perlu ada dari aspek penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi. Bagaimanakah anda menonjolkan ciri tersebut?
2. Sejauh manakah tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang dari aspek penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi.
3. Adakah anda melihat wujud hubungan diantara personaliti anda dengan akhlak pelajar di sekolah?

Instrumen Kajian

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, pengkaji telah membina borang soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Pengkaji telah menyenarai pendek konstruk personaliti yang ingin dikaji kepada empat konstruk utama personaliti iaitu penampilan, tingkah laku, komunikasi dan emosi.


Tujuan pengkaji memilih keempat-empat konstruk ini sebagai konstruk penting yang ingin dikaji ataupun dikenali sebagai pemboleh ubah kerana ia telah meliputi secara langsung dan tidak langsung aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang perlu ada pada pendidik untuk melahirkan manusia yang seimbang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan sejajar dengan Standard Guru Malaysia dalam usaha untuk melahirkan guru yang mempunyai standard yang tinggi. (Kementerian Pendidikan Malaysia: 2009)

Di samping itu, pengkaji telah membina soalan temu bual semi struktur yang telah dibina setelah data bagi dianalisis bagi memastikan persoalan yang timbul setelah hasil soal selidik dianalisis. Ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Guru Pendidikan Islam dengan lebih mendalam.

Perbincangan Awal Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada soal selidik yang telah diedarkan, pengkaji telah mengenal pasti ciri- ciri personaliti guru Pendidikan Islam dan ciri- ciri akhlak pelajar berserta hubungan di antara personaliti guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar. Berikut ialah hasil bagi kajian kuantitatif dan kualitatif:

Personaliti Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang



Rajah 1: Nilai Min Personaliti Guru Pendidikan Islam

Jadual di atas menunjukkan nilai min bagi konstruk penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi. Konstruk penampilan menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 4.63 manakala konstruk tingkah laku menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.35.

Soalan- soalan di dalam konstruk penampilan adalah sebanyak 9 item. Nilai min terendah ialah item 13, iaitu memperlihatkan keyakinan dan kepercayaan diri ketika mengajar dengan nilai min 4.45 dan min tertinggi ialah didapati pada item 5 dengan nilai 4.80 iaitu penutupan aurat dengan sempurna. Sementara min-min item yang lain di bawah konstruk penampilan guru masih tinggi iaitu antara 4.45 hingga min 4.80. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan majoriti guru Pendidikan Islam di sekolah- sekolah terpilih mempunyai ciri- ciri yang selari dengan personaliti unggul yang sepatutnya ada pada seorang guru. Temubual mendapati bahawa:

*Para pelajar sentiasa melihat fesyen guru-guru di sekolah. Sebagai contoh, tudung ni, pelajar sering bertanya tudung-tudung yang saya dan ustazah-ustazah lain pakai. Mereka berkenan dengan tudung ni lagipun tudungnya menutup aurat. Ada yang bertanya di mana untuk mendapatkannya. Ini menunjukkan para pelajar sebenarnya terkesan dengan penampilan guru.*¹(GPI5)

Sebanyak 9 item juga yang disoal dalam konstruk komunikasi. Didapati nilai min terendah ialah bagi item 'guru tidak mengaibkan imej pelajar di hadapan pelajar yang lain' dengan nilai 4.27. Manakala min yang tertinggi terdapat pada item no 11 dengan nilai 4.50 iaitu guru beramal dengan nilai-nilai murni. Sementara min-min pada item yang lain masih berada pada tahap tinggi iaitu melebihi nilai min 4.01.

Hasil dapatan ini selari dengan temubual yang dijalankan. Temubual menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam sentiasa berusaha untuk memahami pelajar dan mendekati mereka dengan menggunakan cara komunikasi berkesan. Berikut adalah petikan temubual yang telah dijalankan:

Kadang-kadang ada pelajar yang suka bertanya benda yang sama, tapi kita cuba untuk faham situasi pelajar. Mungkin dia betul-betul tak faham. Bila dia bercerita atau bertanyakan soalan, kita cuba letakkan diri kita dekat situasi pelajar. Lagi satu kalau kita nak beri nasihat dekat mereka, cuba dengan cara yang santai sebab mereka lagi seronok. Lagi satu bila kita rapat dengan mereka, sedikit sebanyak dapat memberikan kesan dan pengaruh kita kepada pelajar. (GPI5)

Bagi konstruk tingkah laku, sebanyak 9 item juga yang telah disenaraikan di dalam borang soal selidik. Nilai min yang tertinggi ialah item No 3 iaitu pernyataan guru bersungguh-sungguh dan berdedikasi melaksanakan tugas mereka. Nilai min yang dicatat ialah 4.49. Manakala item 'memasuki kelas tepat pada waktunya' menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.11. Sementara nilai min item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu melebihi 4.01 dengan purata min secara keseluruhannya ialah 4.35 dan merupakan nilai min terendah berbanding konstruk lain. Manakala hasil temubual menjelaskan tindakan Guru Pendidikan Islam ketika berhadapan dengan para pelajar.

Kalau saya, saya memang tak pernah rotan pelajar. Saya kalau nak menghukum lebih kepada berleter atau orang kata beri nasihat je lah. Memang pelajar tak pernah tengok saya rotan atau pukul pelajar. Tapi kadang-kadang adalah tercubit sikit. (GPI5)

Sebenarnya macam ni, ada pelajar yang kadang-kadang cikgu pukul. Cikgu bagi nasihat dia tak dengar. Dalam Islam pun bagi nasihat dulu. Kalau tak dengar tu kita menghukum dan seterusnya. Kadang-kadang budak-budak ni mencabar kita dari segi percakapan. Sebab tu ada guru-guru yang tak tahan akan pukul. Tapi tak pukul sapa teruk. Sekadar tarik telinga ke cubit ke. Tapi sekarang budak-budak manja. Kalau zaman dulu mak ayah yang suruh cikgu denda. Sekarang pukul sikit pun mak ayah datang sekolah. (GPI3)

Skor min bagi item-item yang merujuk kepada ciri-ciri personaliti dalam aspek emosi guru ialah 4.41. Sebanyak 10 item yang telah disenaraikan untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti guru Pendidikan Islam dalam konteks emosi. Didapati min yang terendah bagi konstruk emosi


ialah item no 37 iaitu ‘guru tidak cepat marah apabila pelajar tidak memberikan kerjasama dengan baik.’ Manakala didapati min yang tertinggi ialah 4.53 item no 12 ‘guru menunjukkan keikhlasan dalam menyampaikan pelajaran’. Sementara min-min item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu melebihi nilai 4.01.

Berikut hasil daripada temubual bersama Guru Pendidikan Islam berkaitan aspek emosi Guru Pendidikan Islam:

Kita kena tahu latar belakang pelajar untuk faham emosi pelajar. Kadang-kadang kita pun beremosi. Bila pelajar tanya saya, saya bagi tahu saya tengah serabut dan jangan tanya saya masa ni sebab saya tengah banyak kerja ni. Esok, lusa dia tanya sebab apa saya nak marah-marah. Saya jawablah yang saya ni manusia juga ada masa awak tanya tak kena dengan masa dalam masa yang sama saya minta maaf denga dia. Saya dengan pelajar ni jadi seperti kawan. Bila berbual pun saya suka secara santai supaya pelajar selesa dengan saya dan saya boleh memahami pelajar. (GPI1)

Kesimpulannya, hasil awal kajian yang dilihat berdasarkan Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally, 1994), kesemua konstruk menunjukkan guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu mempunyai nilai interpretasi yang tinggi dan secara lansung menggambarkan guru- guru tersebut mempunyai personaliti yang selari dengan tuntutan Bahagian Pendidikan Guru serta Kementerian Pelajaran Malaysia. Hal ini penting kerana, berdasarkan dapatan oleh Jawati Juhari, kajiannya mendapati 42% orang murid sentiasa memerhatikan personaliti dan identiti guru seperti cara guru berjalan, makan dan bercakap. Oleh itu, guru perlulah sentiasa menunjukkan sahsiah dan penampilan yang baik kerana mereka sentiasa diperhatikan oleh pelajar dan mereka turut menjadi role model kepada para pelajar dalam menjalani kehidupan seharian.

Akhlak pelajar- pelajar Tingkatan 4 di Daerah Marang



Rajah 2: Nilai Min Bagi Akhlak Pelajar

Jadual di atas menunjukkan nilai min bagi konstruk penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi di bawah ciri- ciri pengamalan akhlak pelajar. Konstruk tingkah laku dan emosi menunjukkan nilai min paling tinggi dengan nilainya yang sama iaitu 4.43 manakala konstruk komunikasi menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.30.

8 item telah disenaraikan dibawah konteks penampilan pelajar untuk menilai ciri- ciri pengamalan akhlak pelajar. Hasil data didapati min terendah adalah 4.13 iaitu item No 9 iaitu memastikan diri pelajar sentiasa yakin ketika berhadapan dengan orang ramai. Manakala nilai min tertinggi ialah pada item no 1 iaitu berpakaian kemas ketika menghadiri sekolah dan item no 17 iaitu memastikan pakaian sentiasa wangi dan tidak berbau dengan catatan nilai min 4.59.

Item-item lain menunjukkan para pelajar di sekolah- sekolah Daerah Marang mempunyai akhlak yang baik dari konteks penampilan.

Sebanyak 8 soalan telah dikemukakan dibawah konteks komunikasi untuk mengenal pasti ciri-ciri pengamalan akhlak pelajar. Merujuk kepada item-item dibawah konteks komunikasi, didapati skor min terendah ialah item no 10 dengan catatan nilai min 4.18 iaitu pelajar tidak berbohong apabila bercakap dengan guru dan rakan. Manakala min tertinggi ialah bagi item No 30 dengan nilai min 4.47 iaitu pelajar menghargai usaha rakan-rakan dan tidak mengadu domba. Sementara min-min yang lain di bawah konstruk komunikasi masih tinggi ialah melebihi 4.01.

Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min terendah bagi konstruk tingkah laku ialah 4.36, iaitu pada item no 3, 'pelajar menjaga adab dan batas pergaulan di sekolah'. Sementara min tertinggi ialah 4.62 item No 32 menghargai pertolongan daripada orang lain.

Nilai min purata bagi konstruk terakhir iaitu emosi adalah sebanyak 4.43. Didapati nilai min yang tertinggi ialah item No 12 iaitu 'pelajar bersyukur kepada Allah apabila berjaya dalam peperiksaan berusaha serta bertawakkal kepada Allah apabila mencapai keputusan yang tidak di harapkan' dengan catatan nilai min 4.74. Manakala min yang terendah ialah 4.22 iaitu pada item no 4 dengan pernyataan 'mengamalkan sifat sabar dalam menjalankan tugas harian'. Sementara min-min yang lain berada pada tahap tinggi iaitu melebihi nilai 4.01.

Kesimpulannya, hasil awal kajian yang dilihat, didapati kesemua konstruk menunjukkan para responden pelajar di Daerah Marang, Terengganu mempunyai nilai interpersasi yang tinggi dan secara langsung menunjukkan para pelajar tersebut mempunyai pengamalan akhlak yang baik. Jika dilihat secara keseluruhannya, ia mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang seimbang dari pelbagai aspek.

Hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar di Daerah Marang

Bagi melihat hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar, pengkaji telah menjadikan jadual korelasi Pearson sebagai penanda aras untuk menentukan kekuatan hubungan di antara kedua-duanya.

Jadual 2: Korelasi Pearson

Nilai Mutlak	Kekuatan Hubungan
Kurang 0.2	Amat Lemah
0.21-0.4	Lemah
0.41-0.6	Sederhana Kuat
0.61-0.8	Kuat
0.81-1.00	Amat Kuat

Hasil dapatan menunjukkan nilai korelasi bagi penampilan guru dan penampilan pelajar ialah 0.409. Berdasarkan jadual korelasi Pearson, hubungan di antara personaliti guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar dalam konteks penampilan adalah sederhana kuat. Hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar dalam konteks komunikasi juga turut memaparkan nilai korelasi yang sederhana kuat iaitu pada nilai 0.414.

Bagi konteks tingkah laku dan emosi, kedua-duanya mencatat nilai korelasi yang menunjukkan hubungan yang lemah iaitu masing-masing pada nilai 0.366 dan 0.383. Ini menunjukkan wujud hubungan di antara personaliti guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar dari konteks tingkah

laku dan emosi namun, hubungannya lemah dan tidak menjadi sandaran yang kuat untuk mengaitkan personaliti guru Pendidikan Islam memberi kesan kepada akhlak pelajar.

Dapatan awal kajian ini menunjukkan wujud hubungan di antara personaliti guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar. Namun hubungannya berada di tahap sederhana kuat dan lemah bergantung kepada konstruk- konstruk tertentu. Kajian khusus yang melibatkan hubungan di antara personaliti guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar berdasarkan kepada empat konteks yang dikaji masih belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji sebelum ini. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa personaliti Guru Pendidikan sering diperhatikan oleh para pelajar dan mempunyai hubungan dengan perkembangan serta pengamalan akhlak para pelajar di sekolah dan luar sekolah. Oleh itu, para guru seharusnya memainkan peranan mereka dengan lebih baik serta sentiasa memperbaiki diri dengan menghadiri kursus- kursus yang berkaitan di memperbaiki kemahiran sedia ada bagi memastikan peranan mereka berjalan dengan baik.

Kesimpulan

Sejak akhir-akhir ini khususnya pada abad alaf baru ini, terdapat pelbagai isu mengenai sahsiah pelajar di sekolah yang menggambarkan bahawa pelajar-pelajar di sekolah terjebak dengan keruntuhan akhlak dan sekaligus mereka terpesorok jauh kepada kerosakan akhlak dan moral yang cukup parah pada hari ini. Islam sangat mengambil berat tentang pendidikan kerana dengan pendidikan ilmu-ilmu dalam Islam dapat disebarkan secara meluas untuk membangunkan kehidupan dunia dan akhirat. Guru adalah pendidik dan seorang pendidik bukan hanya bertanggungjawab menyampaikan ilmunya kepada murid akan tetapi membentuk keperibadian, sahsiah, pelajar-pelajar di bawah tanggungjawabnya. Justeru itu sebagai seorang guru selaku pendidik, mereka perlu menonjolkan personaliti yang mampu menjadi ikutan dan contoh teladan kepada murid dan dapat mempengaruhi serta membentuk sahsiah dan personaliti murid dalam menjalani kehidupan dalam erti kata kehidupan bersahsiah dan berpersonaliti yang membanggakan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Guru Pendidikan Islam cukup signifikan dalam usaha membentuk sahsiah pelajar di sekolah. Malah kombinasi Guru Pendidikan Islam dan pelajar membawa kepada implikasi positif kepada pembentukan sahsiah pelajar dan sahsiah yang cemerlang, sahsiah unggul. Namun sejauh mana kekuatan hubungan di antara personaliti guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar pada masa kini seharusnya dikenal pasti. Hasil awal kajian yang dilakukan ini menunjukkan bahawa hubungan ini berada pada kedudukan yang sederhana kuat dan lemah. Ini menunjukkan guru Pendidikan Islam bukanlah punca utama atau faktor yang dominan dalam membina akhlak pelajar sebagaimana yang digembar gemburkan bahawa guru Pendidikan Islam punca kepada pelajar mengalami kemerosotan sama ada dalam akademik ataupun akhlak. Walau bagaimanapun peranan seorang guru untuk menunjukkan personaliti unggul tidak harus diketepikan kerana mereka sering diperhatikan oleh para pelajar dan dalam masa yang sama menjadi contoh kepada mereka. Dalam masa yang sama pelbagai pihak khususnya warga guru perlu berganding bahu untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam memaparkan personaliti yang unggul kepada para pelajar.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1999). *Komunikasi Untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Ghani Abdullah & Abd. Rahman Abd Aziz. (2009). *Mengurus Tingkah Laku Pelajar*. Batu Caves Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd

- Asmawati Suhid. (2005). *Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan.
- Asep Hermawan .(2014). *Konsep Belajar Dan Pembelajaran Menurut Al- Ghazali'* Jurnal Qathruna. 1(1)
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. "Regional Conference on Scool Structure and Teacher Competence, Duties & Character. Bangi: Selangor.
- Dzul kifli Hasanuddin. (2004). "*Sahsiah Pelajar Kelas Aliran Agama Dan Bukan Aliran Agama Di Sekolah Menengah Seremban, Negeri Sembilan*" Disertasi Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Johar dan Siti Sarawati & Mad Shah Ishak. (2011). *Kecerdasan Emosi Ketua Dalam Elemen Tadbir Urus Insan Dari Perspektif Model Kerohanian Imam Al-Ghazali*". In: International Management Conference. 1 Mac 2011. Taman Tamadun Islam: Kuala Terengganu.
- John Power. (2012). *The Effect of Implementing School- Wide Positive Behavior Interventions And Supports on Student Misbehavior In A Large Urban High School*. Lynchburg: Liberty University
- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel. (2014). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Shah Alam: Oxford Fajar,
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia Skudai
- Hasnan Kasan. (2002). *Penyimpangan Sosial dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Malaysia: Satu Penilaian Menurut Islam*". Jurnal Pendidikan Islam, 10(2)
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam Selangor: Kamil & Shakir Sdn.Bhd.
- Izzah Nor Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanim Hamsiah. (2015). *Personaliti Bapa Daripada Perspektif Islam*, 5(289).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahyudin. (2003). *Kuliyah Akhlak Tasawuf* Jakarta: Kalam Mulia
- Mohd. Anuar Mamat et all. (2016). *Isu dan Keperluan Etika Profesion Perguruan Islam (Eppi): Satu Kajian Awal Berdasarkan Pandangan Pakar*. Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam, (Madrrasah), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20&21 Oktober 2016.
- Norhayati Fatmi Talib dan Bani Hidayah. (2012). Kecerdasan Emosi dan Sikap Pembelajaran Pelajar Terhadap Pencapaian Kursus Tamadun Islam Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Jurnal of Islamic and Arabic Education 4 (2)
- Robert B. Rusk. (2016). *A Case Study of Classroom Management Practices and The Influence on Classroom*. Arizona: Grand Canyon University
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Morgan. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychologist Measurement.
- Robiah K. Hamzah. (2011). *Penampilan Diri Berkualiti*. Kuala Lumpur: PTS Publications
- Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. (2005). *Teori-Teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional
- Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar. (2002). *Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd

- Tajul Arifin dan Norani. (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020 Falsafah Perguruan dan Persekolahan*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn Bhd.
- Yvonne Bender. (2007). *Guru Yang Bijaksana Komunikasi Efektif Bersama: Ibu Bapa, Rakan Sekerja dan Pentadbir*, Terjemahan dan Suntingan Azarae Hj Idris. Selangor: Wisdom Mind Resources Sdn Bhd.
- Zulfan Nasution. (2001). *Menangani Masalah Remaja Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Statistik Moral Remaja Kita (11 Mac 2015). Harian Metro. Retrieved 17 Disember 2017, From.[http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/masalah-disiplin-442-pelajar dibuang-sekolah-1.541849](http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/masalah-disiplin-442-pelajar-dibuang-sekolah-1.541849).